

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

(Surah al-Hujurat: 13)

Ayat di atas menerangkan Allah SWT menjadikan manusia pelbagai bangsa dan kaum. Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan sebab turun ayat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan Allah SWT menjadikan kita pelbagai bangsa dan kaum. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَأَنْ يَحْتَضِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ".
(رواه البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari dalam kehidupan. Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan maksud berdikari. [2 markah]
- (ii) Jelaskan konsep berdikari. [2 markah]

“DI MANA ADA KEMAHUAN DI SITU ADA JALAN”

- (iii) Bagaimanakah peribahasa di atas dapat dikaitkan untuk melahirkan masyarakat yang berdikari. Bincangkan. [4 markah]

(c) Senaraikan **dua** bahagian Qalqalah. [2 markah]

- 2 (a) (i) Al-Syahid merupakan satu daripada al-Asma al-Husna Allah SWT. Nyatakan maksud al-Syahid. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Syahid. [4 markah]
- (iii) Cadangkan langkah yang boleh anda lakukan terhadap rakan anda yang sering melakukan perbuatan mungkar seolah-olah menafikan Allah SWT bersifat al-Syahid. [4 markah]
- (b) (i) Senaraikan **dua** perkara yang membatalkan iman selain daripada iktikad. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh iktikad yang membatalkan iman dari aspek;
(a) Al-Uluhiyyah
(b) Al-Syariah [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** cara menjauhi perkara yang membatalkan iman. [4 markah]
- 3 (a) Solat Duha adalah salah satu solat sunat yang amat dituntut untuk ditunaikan oleh setiap umat Islam.
- (i) Apakah maksud solat Duha? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah menunaikan solat Duha. [4 markah]
- (iii) "Orang yang sentiasa melakukan solat Duha akan dipermudahkan dalam urusan kehidupan mereka".
Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan tersebut. [4 markah]
- (b) Meminang dan walimatulurus merupakan perkara yang berkaitan dengan perkahwinan dalam Islam.
- (i) Nyatakan maksud meminang. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** anggota yang harus dilihat semasa meminang. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** adab walimatulurus dalam Islam. [4 markah]
- (iv) Terangkan tujuan pensyariatan walimatulurus. [2 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan sejarah ringkas penubuhan kerajaan Uthmaniyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek keilmuan. [4 markah]
- (iii) “Campur tangan kuasa asing boleh melemahkan umat Islam”.
Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Imam Malik. [2 markah]
- (ii) Jelaskan bukti kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam tamadun Islam. [2 markah]
- (iv) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada keunggulan tokoh mazhab. [4 markah]
- 5 (a) (i) Wasatiyyah ialah pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan.
Apakah yang dimaksudkan dengan keseimbangan dalam wasatiyyah? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh keseimbangan dari aspek berikut:
(a) Rohani
(b) Jasmani [4 markah]
- (iii) “Islam amat menekankan kesederhanaan dalam kehidupan”.
Bagaimanakah anda dapat memenuhi tuntutan tersebut. Huraikan. [4 markah]
- (b) (i) Sifat tawaduk merupakan salah satu sifat yang terpuji di sisi Allah SWT.
Nyatakan maksud sifat tawaduk. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah sifat tawaduk dalam kehidupan. [4 markah]
- (iii) Sifat tawaduk dapat membersihkan diri kita daripada sifat mazmumah yang dibenci oleh Allah SWT.
Beri pendapat anda. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT